

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN
HAJI AHMAD
[MERSING]**

TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 18

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) yang ditawarkan ini mendapat sambutan di kalangan pengusaha di luar bandar. Sejak lima tahun lalu, berapa ramai yang telah mendapat kemudahan ini dan berapa ramai yang berjaya sebagai pengusaha Bumiputera luar bandar yang berpotensi dan berdaya maju.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 20 Januari 2001. Pinjaman yang ditawarkan adalah berlandaskan konsep Syariah (Ijarah Thummalbai dan Bai' Bithaman Ajil, Bai' Murabahah/Dayn dan Al Qardhul Hassan).

Skim ini merupakan sebuah program di bawah KKLW yang menyediakan kemudahan pembiayaan (pinjaman) sehingga RM500 ribu kepada usahawan Bumiputera luar bandar bagi membantu meningkatkan bidang ekonomi dalam sektor pembuatan, pertanian, perkhidmatan dan pelancongan desa di Malaysia. Tempoh bayaran balik pinjaman adalah di antara 3 – 7 tahun, bergantung pada jumlah pinjaman.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2001, SPED telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan pengusaha luar bandar. Ini dapat dilihat daripada jumlah keseluruhan permohonan yang telah diterima untuk tempoh

13 tahun setelah diperkenalkan iaitu sebanyak 6,487 permohonan daripada individu dan syarikat dengan jumlah permohonan sebanyak RM1.114 bilion.

Dalam tempoh yang sama, Skim ini telah membiayai seramai 3,601 usahawan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM359 juta.

Sejak 5 tahun yang lalu (2010 sehingga 2014), SPED telah membiayai seramai 1,566 orang usahawan luar bandar dengan nilai pembiayaan berjumlah RM119 juta.

Dalam tempoh yang sama jua, 15% daripada jumlah usahawan yang dibiayai telah menerima manfaat daripada pemberian Muqasah (*rebate*) 30% Geran Kerajaan dengan jumlah RM8.3 juta. Pemberian Muqasah ini diberikan kepada usahawan yang telah menunjukkan rekod yang baik dalam urusan pembayaran balik pinjaman dan mempunyai potensi untuk berdaya maju berdasarkan rekod prestasi perniagaan yang dikemukakan. Sukacita dimaklumkan, pemberian Muqasah (*rebate*) 30% Geran Kerajaan ini bertujuan untuk memotivasikan serta memantapkan dan mengembangkan perniagaan usahawan terlibat.